

Najib angkat sumpah sebagai Perdana Menteri petang ini
Utusan Online
06 May, 2013

KUALA LUMPUR 6 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di Istana Negara pada pukul 4 petang ini

Ini selaras dengan Fasal (2) (a) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan melantik Najib menjadi Perdana Menteri berikutan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri memberitahu, beliau juga dijangka menghadap Seri Paduka Baginda untuk menyembah warkah memohon perkenan terhadap senarai Jemaah Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dalam masa terdekat ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130506/dn_02/Najib-angkat-sumpah-sebagai-Perdana-Menteri-petang-ini#ixzz2Znj7Id8s